

# **A Study of Mandarin Sentence Grammar Mistake Made by Non-native Speaker**

Assoc.Prof Cheun Heng Huat

Universiti Teknologi MARA

[cheunhh@yahoo.com](mailto:cheunhh@yahoo.com)

Ho Wee Chee

Universiti Teknologi MARA

[howeechee@yahoo.com](mailto:howeechee@yahoo.com)

Hoe Foo Terng

Universiti Teknologi MARA

[fthoe@yahoo.com](mailto:fthoe@yahoo.com)

## **ABSTRACT**

*More and more people (non-native speaker) all around the world want to learn Mandarin ever since China became a member of the World Trade Organization (WTO). This study is to look into the problem of grammar learning in Mandarin sentence among the non-native speaker students. Data was collected through restructuring sentence test in Romanize Mandarin form. 90 students took part in this research were given the above mentioned test and a survey was conducted with giving questionnaire to 10 Mandarin lecturers. The finding shows that non-native students always troubled by 9 types of Mandarin sentence grammar mistakes. They are mistake caused by mother tongue, oppose the logical and chronological or time arrangement in a sentence, mistake caused by confusion of concept, meaning of the word, careless and etc. According to Mandarin lecturers, mother tongue is the main factor that caused students committing the mistake, other factors are less practicing in grammar exercises, insufficient time for lecturers to correct students grammar mistakes during lesson time and students felt that grammar is not important.*

## **1.0 PENDAHULUAN**

Kewujudan negara China sebagai salah sebuah kuasa ekonomi yang terbesar di dunia, bahasa Mandarin telah menjadi satu bahasa yang mempunyai nilai ekonomi pada abad ke 21 ini. Kini, semakin ramai orang asing menjelajah ke negara China untuk belajar bahasa Mandarin. Graddol (Sunday Star ,2004), seorang pakar linguistik British, dalam satu terbitan berkala berjudul *Science*, telah menganggarkan bahawa terdapat sebanyak 1,113 juta penduduk di seluruh dunia merupakan penutur asli bahasa Mandarin pada tahun 1995. Manakala menjelang tahun 2050, dianggarkan sebanyak 166 juta golongan muda antara umur 15 hingga 24 tahun akan merupakan penutur asli bahasa Mandarin (laporan Sunday Star, 7 Mac 2004 : 44).

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji masalah pembelajaran tatabahasa dalam ayat bahasa Mandarin di kalangan pelajar bukan penutur asli. Penyedidik juga akan mengenal pasti jenis-jenis kesilapan urutan kata dalam ayat bahasa Mandarin yang sering dilakukan oleh pelajar dengan menggunakan kaedah Analisis Kesilapan dan Analisis Kontrastif. Selain daripada itu, penyedidik juga akan mengenal pasti faktor-faktor yang menyebabkan pelajar sering melakukan kesilapan urutan kata dalam ayat bahasa Mandarin.

Bagi pelajar UiTM yang mengikuti kursus bahasa Mandarin sebagai bahasa ketiga mereka biasanya akan mengaplikasikan tatabahasa bahasa ibunda mereka dalam tatabahasa bahasa Mandarin. Ini kerana mereka telah biasa dan dipengaruhi oleh tatabahasa bahasa ibunda mereka iaitu bahasa Melayu. Salah satu punca yang menyebabkan pelajar bukan penutur asli tidak dapat menggunakan tatabahasa bahasa Mandarin dengan betul adalah kerana mereka mengaplikasikan peraturan bahasa ibunda mereka sebagai strategi dalam mempelajari sesuatu bahasa yang baru. Pengaruh yang disebabkan oleh bahasa pertama ke atas pembelajaran bahasa kedua hanya dapat dikesan melalui susunan urutan kata dalam ayat-ayat yang direka khas. Oleh itu, adalah penting untuk penyelidik untuk mengenal pasti apa-apa kesilapan urutan kata dalam ayat-ayat dan punca-puncanya.

Kajian ini akan memilih 90 orang pelajar yang mengikuti kursus Bahasa Mandarin Tahap III (BMD 501) di peringkat ijazah akan dipilih secara rawak sebagai sampel kajian. Kesemua respondan akan diberi satu set 10 soalan peperiksaan akhir susun ayat semula bahasa Mandarin untuk dijawap, untuk mengenal pasti kesilapan tatabahasa dalam ayat bahasa Mandarin yang sering dilakukan oleh pelajar bukan penutur asli sambil faktor-faktor yang menyebabkannya.

Kaedah pengumpulan data yang digunakan dalam kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Ujian susun semula ayat bahasa Mandarin dalam Hanyu Pinyin kepada 90 orang sampel kajian.
- ii. Kaedah tinjauan (survey) dengan memberi borang soal selidik kepada 10 orang pensyarah.

Dapatan kajian menunjukkan pelajar melakukan 9 jenis kesilapan tatabahasa bahasa Mandarin. Data-data yang diperolehi daripada ujian susun ayat semula adalah seperti berikut:

### **1. Salah kerana menentang susunan logikal (Kesalahan 1)**

Jawapan dari sampel kajian	:	<i>Zuotian Halim qingjia le yinwei ta meiyou lai shangban.</i>
Jawapan sebenar	:	<i>Zuotian Halim meiyou lai shangban yinwei ta qingjia le.</i>

Penerangan: Halim tidak datang kerja semalam adalah kerana bercuti (telah memohon cuti, oleh itu tidak datang kerja), dan bukan semalam Halim memohon cuti kerana dia tidak datang kerja.

### **2. Salah kerana menentang susunan kronologikal (Kesalahan 2)**

Jawapan dari sampel kajian	:	<i>Cong ni de jia dao qingkuaitiezhan zuo deshi yao duojiu?</i>
Jawapan yang tepat	:	<i>Cong ni de jia zuo deshi dao qingkuaitiezhan yao duojiu?</i>

Penerangan: Suku kata dalam ayat Mandarin disusun mengikut perjalanan masa. Oleh itu, jawapan yang betul susunan suku kata kena mula dari tempat bertolak, kemudian menaiki kenderaan dan akhirnya sampai ke destinasi. Selepas sampai ke destinasi, kita baru boleh tahu berapa jauhnya.

### **3. Salah kerana menentang susunan masa (Kesalahan 3)**

Jawapan dari sampel kajian	:	<i>Zaoshang xingqitian 14 qu de basha ren shan ren hai.</i>
Jawapan yang tepat	:	<i>Xingqitian zaoshang 14 qu de basha ren shan ren hai.</i>

Penerangan: Faktor masa dalam ayat Mandarin mempunyai susunan yang tertentu. Lapisan masa dimulakan dengan waktu hari (hari ini / semalam dsb), diikuti dengan tarikh (tahun, bulan dan haribulan), hari minggu (Isnin dsb), waktu (pagi / malam dsb) dan akhir sekali masa (pukul 7 dsb). Kesalahan jawapan di atas ialah waktu diletak di hadapan hari minggu, ini bercanggah dengan susunan masa ayat Mandarin.

#### 4. Salah kerana cuai (kurang atau tambah perkataan) (Kesalahan 4)

##### Contoh 1

Jawapan dari sampel kajian	:	<i>Zuotian Halim meiyou lai shangban yinwei (<b>ta</b>) qingjia le.</i>
Jawapan yang tepat	:	<i>Zuotian Halim Halim meiyou lai shangban yinwei ta qingjia le.</i>

##### Contoh 2

Jawapan dari sampel kajian	:	<i>Meimei yijing san ge yue meiyou qu Jilongpo kan dianying (<b>le</b>).</i>
Jawapan yang tepat	:	<i>Meimei yijing san ge yue meiyou qu Jilongpo kan dianying le.</i>

Penerangan: Bilangan suku kata dalam ayat sebelum dan selepas disusun mestilah sama. Tambah atau kurang perkataan dalam ujian susun ayat adalah dilarang sama sekali.

#### 5. Salah kerana cuai (salah ejा) (Kesalahan 6)

Jawapan dari sampel kajian	:	<i>Xingqitian zaoshang 14 qu de basha <b>ren hai ren shan</b>.</i>
Jawapan yang tepat	:	<i>Xingqitian zaoshang 14 qu de basha ren shan ren hai.</i>

Penerangan: salah susun pepatah *ren shan ren hai*.

#### 6. Salah kerana keliru tentang maksud perkataan (Kesalahan 6)

##### Contoh 1

Jawapan dari sampel kajian	:	<i>Meimei yijing san yue <b>ge</b> meiyou qu Jilongpo kan dianying le.</i>
Jawapan yang tepat	:	<i>Meimei yijing san ge yue meiyou qu Jilongpo kan dianying le.</i>

Penerangan: Dalam bahasa Melayu, 3 bulan ialah *san yue*. Bahasa Mandarin pula, 3 bulan kena tambahkan penjodoh bilangan ‘ge’ menjadi *san ge yue*. Perbezaan dalam penggunaan bahasa Melayu dan bahasa Mandarin menyebabkan pelajar tidak tahu di mana nak letak ‘ge’ itu.

#### Contoh 4

Jawapan dari sampel kajian	:	<i>Cong ni de jia zuo qingkuaitiezhan dao deshi yao duojiu?</i>
Jawapan yang tepat	:	<i>Cong ni de jia zuo deshi dao qingkuaitiezhan yao duojiu?</i>

Penerangan: ‘*qingkuaitiezhan*’ (station LRT) telah disalahfahamkan sebagai *qingkuaitie* (LRT) dan ‘*deshi*’ (teksi) pula disalahfahamkan sebagai tempat.

#### **7. Salah kerana keliru tentang konsep (Kesalahan 7)**

Jawapan dari sampel kajian	:	<i>San ge yue meimei yijing meiyou qu Jilongpo kan dianying le.</i>
Jawapan yang tepat	:	<i>Meimei yijing san ge yue meiyou qu Jilongpo kan dianying le.</i>

Penerangan: Pelajar diajar mula susun ayat dengan lapisan-lapisan masa (konsep susun ayat). *San ge yue* (3 bulan) ialah tempoh dan bukan masa, pelajar telah mengeliru dengan konsep masa dan tempoh, oleh itu mereka letak tempoh di hadapan dan ini adalah tidak betul.

#### **8. Salah kerana keliru tentang penggunaan “le”, “jiu”, “de” dll (Kesalahan 9)**

##### **a. Salah kerana keliru tentang penggunaan “le”**

#### Contoh 1

Jawapan dari sampel kajian	:	<i>Zuotian Halim meiyou lai shangban le yinwei ta qingjia.</i>
Jawapan yang tepat	:	<i>Zuotian Halim meiyou lai shangban yinwei ta qingjia le.</i>

**b. Salah kerana keliru tentang penggunaan “jiu”**

Jawapan dari sampel kajian	:	<i>Qu Taiguo bu xuyao (qianzheng), you <b>jiu</b> guoji huzhao keyi le.</i>
Jawapan yang tepat	:	<i>Qu Taiguo bu xuyao qianzheng, you guoji huzhao jiu keyi le.</i>

**c. Salah kerana keliru tentang penggunaan “de”**

Contoh 1

Jawapan dari sampel kajian	:	<i>Xingqitian zaoshang 14 <b>de</b> basha qu ren shan ren hai.</i>
Jawapan yang tepat	:	<i>Xingqitian zaoshang 14 <b>qu</b> de basha ren shan ren hai.</i>

**d. Salah kerana keliru tentang penggunaan “meiyou”**

Jawapan dari sampel kajian	:	<i>Meimei yijing <b>meiyou</b> san ge yue qu Jilongpo kan dianying le.</i>
Jawapan yang tepat	:	<i>Meimei yijing san ge yue <b>meiyou</b> qu Jilongpo kan dianying le.</i>

Penerangan: Sifat kata ‘meiyou’ perlu diletak di hadapan kata kerja.

**9. Salah kerana dipengaruhi oleh bahasa ibunda (Kesalahan 9)**

Jawapan dari sampel kajian	:	<i>Xingqitian zaoshang <b>qu</b> 14 de basha ren shan ren hai.</i>
Jawapan yang tepat	:	<i>Xingqitian zaoshang 14 <b>qu</b> de basha ren shan ren hai.</i>

Penerangan: (*qu* 14 – seksyen 14)

Seramai 7 (70%) orang pensyarah bersetuju dengan kenyataan bahawa bahagian susun semula ayat adalah bahagian yang paling sukar untuk pelajar menjawab, manakala 2

(20%) orang pensyarah tidak bersetuju dengan kenyataan ini dan 1 (10%) orang pensyarah tidak memeberi apa-apa pandangan.

**Jadual 1:** Sebab-sebab Bahagian Susun Semula Ayat Adalah Bahagian

**Yang Paling Sukar Untuk Pelajar Menjawab**

<u>Sebab-sebab</u>	<u>Bilangan (%)</u>
kekurangan masa mengajar dalam kelas	3 (30)
ramai pensyarah kurang menekankan pengajaran tatabahasa mandarin	4 (40)
kekurangan latihan bahagian susun semula ayat	3 (30)
pelajar sendiri kurang didedahkan kepada persekitaran bahasa yang berkenaan	5 (50)
lain-lain	4 (40)

Sebab-sebab bagi pelajar sukar menjawab bahagian susun semula ayat dalam peperiksaan akhir semester (BMD501) dan peperiksaan pertengahan semester (BMD501), ialah pelajar sendiri kurang didedahkan kepada persekitaran bahasa yang berkenaan, diikuti dengan ramai pensyarah kurang menekankan tatabahasa mandarin. Ini menunjukkan bahawa pelajar tiada persekitaran bahasa yang sesuai untuk mereka dilatih, dan mereka tidak menguasai tatabahasa bahasa Mandarin akan menjelaskan prestasi dalam menjawab bahagian susun semula ayat.

**Jadual 2:** Faktor-faktor Menyebabkan Pelajar Banyak Melakukan Kesilapan

Tatabahasa Dalam Urutan Kata (mengikut persepsi pensyarah)

<u>Faktor-faktor</u>	<u>Bilangan (%)</u>
gangguan bahasa ibunda	8 (80)
kurang latihan tatabahasa	7 (70)
pensyarah tidak cukup masa dalam kelas untuk membetulkan kesalahan tatabahasa pelajar	4 (40)
pelajar tidak prihatin tentang tatabahasa	3 (30)
lain-lain	1 (10)

Seramai 8 (80%) orang pensyarah berpendapat faktor utama menyebabkan pelajar banyak melakukan kesilapan tatabahasa dalam urutan kata ialah gangguan bahasa ibunda, diikuti dengan kurang latihan tatabahasa (7 orang pensyarah), manakala 4 (40%) orang pensyarah berpendapat pensyarah tidak cukup masa dalam kelas untuk membetulkan kesalahan tatabahasa pelajar dan 3 orang pensyarah menanggap pelajar tidak prihatin tentang tatabahasa mungkin menyebabkan pelajar banyak melakukan kesilapan dalam tatabahasa. Ada seorang pensyarah berpendapat bahawa struktur ayat dalam bahagian susun semula ayat tidak dititikberatkan di buku teks atau pun buku latihan mungkin menyebabkan pelajar tidak dapat menguasai tatabahasa dalam urutan kata bahasa Mandarin.

Hasil analisis borang soal selidik pensyarah telah mengenal pasti sebab-sebab utama pelajar bukan penutur asli tidak dapat menguasai tatabahasa bahasa Mandarin adalah seperti berikut:

- Kekurangan masa pengajaran dan pembelajaran dalam kelas
- Kurang pendedahan kepada alam persekitaran bahasa
- Struktur ayat bahasa Mandarin berlainan dengan bahasa ibunda pelajar
- Kurang latihan dan prihatin tentang tatabahasa
- Keliru maksud atau sikap cuai

## Penutup

Kajian ini juga mengenal pasti faktor gangguan bahasa ibunda, kurang latihan tatabahasa, peruntukan masa, psikologi dan alam persekitaran pembelajaran merupakan faktor-faktor yang menyebabkan pelajar melakukan kesilapan dalam tatabahasa. Dengan ini, pensyarah atau pelajar harus mencari kaedah atau strategi untuk mengatasinya.

Dapatan kajian telah mengenal pasti gangguan bahasa merupakan faktor yang utama menyebabkan pelajar melakukan kesilapan dalam pembelajaran tatabahasa bahasa Mandarin. Menurut Cheun (1998), kaedah pengajaran pensyarah yang berkesan akan menarik minat pelajar, dan juga dapat mengubah sikap negatif pelajar terhadap pembelajaran bahasa Mandarin. Pensyarah boleh menggunakan kaedah analisis kontrastif untuk membandingkan sesetengah pola-pola ayat atau frasa yang mempunyai persamaan

dan perbezaan di antara bahasa ibunda dan bahasa sasaran untuk menolong pelajar menguasai tatabahasa bahasa Mandarin.

Pembelajaran dengan bantuan komputer akan menggalakkan dan menarik perhatian pelajar belajar bahasa Mandarin dengan lebih berkesan. Pensyarah perlu menyediakan perisian komputer dalam bentuk CD-Rom yang terkandung bahan-bahan pengajaran berdasarkan kriteria-kriteria yang berfokus kepada kelemahan pelajar lalu mempertingkatkan ketepatan tatabahasa pelajar.

Menurut Cheun dan rakan-rakan (2002, 2005), penggunaan ‘*Web-based Instruction*’ (WBI) atau pengajaran berasaskan WEB dalam pengajaran bahasa Mandarin di Akademi Pengajian Bahasa akan mewujudkan satu persekitaran pembelajaran bahasa ketiga. Zhang (dalam Cheun dan rakan-rakan, 2002) berpendapat bahawa Pembelajaran Bahasa Bantuan-komputer (*Computer-Assisted Language Learning atau CALL*) dapat memperkuuhkan kemahiran linguistik makro.

## BIBLIOGRAFI

Abdullah Hassan dan Ainon Mohd. (1994). Bahasa Melayu Untuk Maktab Perguruan. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Azman Wan Chik. (1993). Mengajar Bahasa Melayu Jilid 2: Latihan Guru Dan Bahan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Cheun Heng Huat. (1998). Masalah Pembelajaran Tulisan Cina Di Kalangan Pelajar Institut Teknologi Shah Alam. Kertas Projek Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.

Cheun Heng Huat dan rakan-rakan. (2002). Attitude Towards the Learning Of Chinese Charaters Among Students In Universiti Teknologi Mara. Kertas Projek, IRDC (Biro Penyelidikan dan Perundingan) UiTM Shah Alam.

Cheun Heng Huat dan rakan-rakan. (2005). Strategi Pengajaran Aspek Sebutan Bahasa Mandarin Di kalangan Pelajar UiTM. Kertas Projek, IRDC (Biro Penyelidikan dan Perundingan) UiTM Shah Alam.

Cheun Heng Huat dan rakan-rakan. (2008). Masalah Pembelajaran Urutan Kata Dalam Ayat Bahasa Mandarin Di kalangan Pelajar Bukan Penutur Asli. Kertas Projek, RMI (Institut Pengurusan Penyelidikan) UiTM Shah Alam.

Cui Yonghua. 崔永华 (2005). Duiwai Hanyu de Jiexue Yanjiu. Beijing: Waiyu

Jiaoxue Yu Yanjiu Chubanshe.

Ee Ah Meng. (1999). Psikologi Pendidikan II. Cetakan keempat, Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Jing Cheng 竟成 (2002). Duiwai Hanyu Lunchong Jilid 2. China: Shanghai Waiyu Jianyu Chubanshe.

Kamarudin Hj. Husin. (1998). Pedagogi Bahasa: Perkaedahan. Kuala Lumpur : Kumpulan Budiman Sdn Bhd.

Ke Ping. 柯平 (1999). Contrastive Linguistics 对比语言学 China: Nanjing Shifan Daxue Chubanshe.

Li Yang dan rakan-rakan 李杨等人 (1998). Duiwai Hanyu Jiaoxue Kecheng Yanjiu. 对外汉语教学课程研究 Second Edition. China: Beijing Yuyan Wenhua Daxue Chubanshe.

Liu Xun dan rakan-rakan 刘珣等人 (1997) Duiwai Hanyu Jiaoxue Gailun. 对外汉语教学概论 China: Beijing Yuyan Wenhua Daxue Chubanshe。

Liu Xun.刘珣 (2002). Hanyu Zuowei Di'er Yuyan Jiaoxue Jianlun. 汉语作为第二语言教学简论 China: Beijing Yuyan Wenhua Daxue Chubanshe.

Lu Bisong 吕必松. (1993). Taolun Duiwai Hanyu Jiaoxue De Xingzhi He Tedian, dalam Sheng Yan dan Sha Li Duiwai Hanyu Jiaoxue Lunwen Xuanping Jilid 1 (1949-1990). Beijing Yuyan Xueyuan Chubanshe,

Lu Bisong. 吕必松 (1995). Shijie Hanyu Jiaoxue 1995. 1995 年世界汉语教学 Jilid 2. China: Beijing Yuyan Xueyuan Chubanshe.

Lu Bisong dan rakan-rakan. 吕必松等人 (1999). Dalam Zhang Qiwang & Wang Shunhong. 张起旺 & 王顺洪 Han Waiyu Duibi Yu Pianwu Fenxi Lunwenji 汉外语对比与偏误分析论文集 Beijing : Beijing Daxue Chubanshe.

Lu Jianji. 鲁健骥 (1990). Zhongjiyu Lilun Yu Pianwu Fenxi. 中介语理论与偏误分析 Dalam Sheng Yan 盛炎 dan Sha Li 沙砾: Duiwai Hanyu Jiaoxue Lunwen Xuanping. 对外汉语教学论文选评 China: Beijing Yuyan Xueyuan Chubanshe.

Lu Jianji. 鲁健骥 (1990). Duiwai Hanyu Jiaoxue Sikaoji. 对外汉语教学思考集

China: Beijing Yuyan Xueyuan Chubanshe.

Lu Wenhua 吕文华. (1994). Duiwai Hanyu Jiaoxue Yufa Tansuo. China: Beijing Yuyan Xueyuan Chubanshe.

Mok Soon Sang. (2002). Pedagogi Untuk Kursusu Diploma Perguruan – Semester 3. Edisi Ketiga, terbitan Ke-4, Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn Bhd, Malaysia.

Ngeh Hoong Eng. (1995). Analisis Kesilapan Bahasa Cina Di Kalangan Pelajar - Pelajar Melayu Sekolah Cina. Tesis Sarjana Pengajian Bahasa Moden, University Malaya.

Qi Luyang 齐泸杨. (2006). Duiwai Hanyu Yanjin Jilid 2. Beijing: Shangwu Yinshuguan

Ren Ming 任明. (2003). Duiwai Hanyu de Jiaoxue Tansuo. China: Zhongguo Shehui Kexue Chubanshe.

Saw Kim Lee. (1997). Kesilapan Sintaksis Dalam Pembelajaran Bahasa Mandarin Kalangan Dewasa Melayu. Tesis Sarjana Pengajian Bahasa Moden, University Malaya.

Shahabuddin dan rakan-rakan. (2003). Pedagogi Strategi dan Teknik Mengajar Dengan Berkesan. Bentong: PTS Publication & Distributor Sdn Bdn.

Wan Zah Wan Ali. (2000). Memahami Pembelajaran. Selangor: Utusan Publication &Distributors sdn Bhd.

Wei Zhicheng 韦志成 (1996). Yuwen Kaoshilun. China : Guangxi Chubanshe.

Wu Renpu dan rakan-rakan 吴仁甫等人 (2002). Duiwai Hanyu Yiduiyi Gebie Jiaoshou Yanjiu. 对外汉语一对一个别教授研究 China: Zhongguo Shehui Kexue Chubanshe.

Xu Yulong. 许余龙 (2001). Duibì Yuyánxué Gailùn. 对比语言学概论 5th Edition. China: Shanghai Waiyu Jiaoyu Chubanshe.

Xu Ziliang. (2000). A Cognitive Thory Study in Teaching Chinese as Foreign Language. Beijing: Huayu Jiaxue Publication, China.

Yang Jizhou dan rakan-rakan 杨寄洲等人. (2005). Duiwai Hanyu Jiaoxue Chaji Jieduan Jiaoxue Dagang. China: Beijing Daxue Chubanshe.

Zhang Qiwang & Wang Shunhong. 张起旺 & 王顺洪 (1999). Hàn Wàiyú Dubí Yu

Pianwu Fenxi Lunwenji. 汉外语对比与偏误分析论文集 China : Beijing  
Daxue Chubanshe.

Zhao Yongxin dan rakan. 赵永新等人 (1998). Han Waiyuyan Wenhua Duibi Yu  
Duiwai Hanyu Jiaoxue. 汉外语言文化对比与对外汉语教学 Second Edition.  
China: Beijing Yuyan Wenhua Daxue Chubanshe.

Zhao Jinming dan rakan-rakan. 赵金铭等人 (1997). Yuyin Yanjiu Yu Duiwai Hanyu  
Jiaoxue. 语音研究与对外汉语教学 China: Beijing Yuyan Wenhua Daxue  
Chubanshe.

Zheng Jing 郑静 (2002). Hanyu Gebie Shuokezhong Yunyong .Xuesheng Muyu  
Zuo Bijiao Jiaxue De Yixie Xikao. Dalam Wu Renpu dan rakan-rakan 吴仁蒲  
等人 Duiwai Hanyu Yiduiyi Gebie Jiaoshou Yanjiu. China: Zhongguo Shehui  
Kexue Chubanshe.

Graddol (Sunday Star , 7 Mac 2004 : 44)